

6 pengendali telekomunikasi beri komitmen penuh terhadap Jendela

Kuala Lumpur: Pengendali telekomunikasi terdiri daripada Celcom Axiata Bhd, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Maxis Bhd, U Mobile Sdn Bhd, Telekom Malaysia Bhd (TM) dan TIME dotCom Bhd menyatakan komitmen penuh terhadap Pelan Tindakan Jalinan Digital Negara (Jendela).

Semua syarikat itu komited bersama kerajaan menjadikan kesalinghubungan sebagai keperluan asas untuk memacu peralihan Malaysia ke arah masyarakat digital berpendapa-

tan tinggi.

Jendela yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini akan menjadi platform bagi mencapai aspirasi berkenaan dengan mempercepat kesalinghubungan digital negara melalui penggunaan akses mudah alih, gentian dan tanpa wayar tetap yang meluas, di samping memberi laluan kepada teknologi 5G di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dari 2021 hingga


2025.

Enam syarikat terbabit dalam kenyataan

an bersama berkata, pandemik Covid-19 mencetuskan keperluan yang mendesak untuk Malaysia menangani norma baharu dan menyediakan permintaan akan datang bagi perkhidmatan kesalinghubungan sebagai penggerak semua aspek kehidupan.

Katanya, ini termasuk ekonomi dan sumber pendapatan masyarakat, pendidikan, peluang perniagaan, selain membina dan menghubungkan komuniti.

“Industri perlu memacu semua pihak yang terbabit melalui penyediaan perkhidmatan kesalinghubungan berkualiti dan dipercayai,” katanya.



**Pacu peralihan
Malaysia ke arah
masyarakat digital
berpendapatan tinggi**